Keluarga yang *Kita* Impikan

Dr Suhaila Mazah



Diterjemah oleh
Syazwan Hakim

impress

Keluarga Yang *Kita* Impikan

Dr Suhaila Mazah

Diterjemah oleh Syazwan Hakim

IMPRESS
2025

Diterbitkan oleh

impress

Alamat No 6, Jalan Dagang SB 4/1, Taman Sungai Besi Indah,
43300 Seri Kembangan, Selangor

Email ikrammudapusat@gmail.com

Penulis Dr Suhaila Mazah

Penterjemah Syazwan Hakim

Tajuk Keluarga Yang Kita Impikan

Karya Asal *Usrah Muslimah Wa al-Tahaddiat al-Rahinah*

Penyelaras Iffah Hisammudin

Penyunting Luthfi Yusri

Reka Letak Abu Haura'

Reka Bentuk Kulit Batrisyia Mohamad

Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana isi kandungan daripada buku ini bagi tujuan jualan dalam apa-apa bentuk dan cara tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada penerbit. Ebook ini diedarkan secara percuma dan terbuka.

IMPRESS adalah rumah penerbitan komersial di bawah IKRAM Muda Malaysia.

MUKADIMAH PENTERJEMAH

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُم مِّنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِّتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُم مَّوَدَّةً وَرَحْمَةً

"Dan di antara tanda-tanda (kebesaran)-Nya ialah Dia menciptakan untukmu pasangan hidup dari jenismu sendiri agar kamu merasa tenang di sampingnya, dan Dia menjadikan di antara kamu rasa kasih dan sayang" (Surah ar-Rum, ayat 21)

Segala puji bagi Allah yang memuliakan institusi keluarga dalam Islam dan menjadikannya asas kepada keharmonian sosial serta pembinaan peradaban manusia. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang melalui sunnah baginda kita belajar erti kepimpinan, rahmah, dan keadilan dalam rumah tangga.

Karya ilmiah yang berada di tangan pembaca ini merupakan terjemahan kepada artikel penting bertajuk *"Keluarga Muslim dan Cabaran Semasa"*

hasil tulisan Dr. Suhaila Mazah, Profesor dalam bidang Falsafah dan Pemikiran Islam, Fakulti Usuluddin, Universiti Sains Islam Emir Abdelkader, Qacentina, Algeria. Artikel ini membincangkan secara mendalam pelbagai cabaran yang sedang dihadapi oleh keluarga Muslim hari ini antaranya daripada tekanan pemikiran feminis Barat, pengaruh teknologi, hingga kepada keretakan struktur kekeluargaan akibat arus globalisasi. Lebih penting, penulis turut mengemukakan solusi yang berakar dari syariah Islam, demi mengembalikan kekuatan institusi keluarga sebagai tiang tamadun.

Penterjemahan ini merupakan sebahagian daripada inisiatif IMPRESS yang merupakan suatu usaha kecil yang berhasrat memperluas wacana Islam dan pemikiran strategik melalui penyebaran teks terpilih dalam Bahasa Melayu. Penterjemah merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak IMPRESS atas kepercayaan dan peluang yang diberikan untuk terlibat dalam projek ini. Platform ini bukan sahaja membuka ruang untuk pemerkasaan bahasa dan wacana ilmiah dalam kalangan masyarakat, bahkan juga menjadi jambatan antara teks Arab klasik dan kontemporari dengan pembaca Nusantara.

Karya ini didedikasikan khas buat semua pembaca yang mencintai ilmu, keluarga, dan peradaban serta kepada para pendidik, ibu bapa, dan aktivis sosial

yang tidak pernah lelah mendidik serta menjalankan dakwah di lapangan dalam apa jua pun platform bagi membina asas kekuatan ummah saban hari diuji dengan cabaran yang semakin kompleks.

Sekiranya terdapat sebarang kekhilafan, kekaburan makna, atau kesilapan dalam terjemahan ini, penterjemah dengan rendah hati memohon agar dimaklumkan segera kepada pihak IMPRESS untuk dilakukan semakan dan pembetulan sewajarnya.

Semoga terjemahan ini menjadi wahana untuk menyegarkan kembali kefahaman kita tentang peranan keluarga, dan menjadi pencetus kepada gerakan pemikiran yang lebih seimbang, berprinsip dan bersumberkan warisan kita sendiri tanpa perlu meniru model asing yang tidak selari dengan fitrah.

Selamat Membaca.

Sekian,

Wallahu'l-Muwaffiq ila aqwamis-sabil.

Muhammad Syazwan Hakim bin Jamil
Lembah Pantai,
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

TENTANG PENULIS



Dr. Suhaila Mazah merupakan seorang sarjana yang aktif dalam bidang pemikiran Islam. Bidang kajian beliau merangkumi wacana sufi, falsafah pembinaan rohani, serta pendekatan pendidikan dan masyarakat dalam tradisi Islam. Kajian-kajian beliau sebahagiannya memberikan penumpuan khas terhadap pemikiran tokoh-tokoh seperti Shaykh Muhammad al-Ghazali dan Ibn Khaldun.

Penulisan beliau banyak menyentuh tema penyucian akhlak, reformasi pemikiran, dan keutuhan masyarakat Muslim berdasarkan kerangka pemikiran tokoh-tokoh besar tersebut. Antara karya beliau berjudul *"al-Tazkiyah al-Akhlāqiyyah fī Fikr*

Muhammad al-Ghazālī" (*Penyucian Akhlak dalam Pemikiran Muhammad al-Ghazali*).

Selain aktif menulis, beliau turut menyertai dan membentang kajian dalam pelbagai persidangan ilmiah peringkat antarabangsa yang membincangkan cabaran kontemporari umat Islam dari sudut pemikiran dan pendidikan.

Kini berkhidmat di sebagai Profesor dalam bidang Falsafah dan Pemikiran Islam, Fakulti Usuluddin, Universiti Sains Islam Emir Abdelkader, Qacentina, Algeria. Beliau juga merupakan anggota Kesatuan Ulama Muslimin Sedunia.

"....penting untuk merumuskan satu visi Islam yang bersatu dan menyeluruh berkaitan isu keluarga dan masyarakat—suatu visi yang menjaga identiti sejarah, bahasa ibunda, kesatuan sosial, nilai-nilai, adat dan tradisi serta tidak tunduk kepada tekanan nilai-nilai asing khususnya nilai kebebasan, seksualiti dan kaedah pendidikan yang bercanggah dengan fitrah dan syariah."

— Dr. Suhaila Mazah

KELUARGA YANG KITA IMPIKAN

Keluarga merupakan teras utama dalam pembinaan sesebuah masyarakat. Ia adalah asas kepada struktur tapak mana-mana projek tamadun dan pembangunan politik. Keluarga memikul peranan yang sangat penting dalam membentuk individu, menyemai nilai, mengukuhkan kesatuan sosial, membina identiti diri anak-anak melalui sokongan emosi dan moral, serta penanaman nilai-nilai kemanusiaan dan prinsip-prinsip sosial.

Oleh itu, keluarga adalah kerangka terbaik untuk proses sosialisasi dan budaya dengan menyampaikan mesej-mesej pendidikan dan sosial yang bertujuan membimbing individu ke arah kebenaran dan kebaikan. Dengan itu, keluarga berfungsi sebagai sebuah institusi sosial yang mempertemukan pelbagai peranan sosial dan norma-norma yang

mengatur hubungan antara manusia. Ia juga bertindak sebagai mekanisme kawalan, pengawasan dan pendidikan dalam masyarakat.

Keluarga yang mengamalkan kaedah asuhan yang seimbang dan corak interaksi yang positif akan melahirkan ahli keluarga yang seimbang dan sihat dari segi psikologi. Sejarah tamadun manusia sejak zaman berzaman membuktikan bahawa penghayatan dan pemeliharaan nilai-nilai kekeluargaan merupakan tunjang kepada kestabilan dan kemajuan masyarakat.

Seorang anak yang dibesarkan dalam keluarga yang mengutamakan peraturan kehidupan sebelum mendidik tentang kejujuran, menjaga amanah dan mempersiapkan mereka mengikut kemampuan untuk berinteraksi dengan baik, menghormati orang lain, serta menanamkan asas-asas keimanan[1] dengan pendekatan yang jauh daripada paksaan agar anak tersebut dapat membesar dengan seimbang dan harmoni.

Tidak diragukan bahawa keluarga memikul tanggungjawab utama dalam membentuk seluruh lapisan masyarakat melalui strategi pembangunan insan. Strategi ini akan melatih ahli keluarga

1 Muhammad 'Uthman, *Al-Istiqrār al-Usarī wa Atharuhu 'ala al-Fard wa al-Mujtama'*, Mu'assasah Shabāb al-Jāmi'ah, 2009, hlm. 18.

untuk berhadapan dengan cabaran masyarakat masa depan, membuat keputusan yang tepat dan menetapkan pendirian yang selaras dengan takdir dan identiti mereka. Jika semakin tersusun, terpandu dan seimbang proses pendidikan dalam sesebuah keluarga, maka semakin utuh pula masyarakat yang terbentuk daripada hasil didikan tersebut.

Namun begitu, keluarga pada hari ini berhadapan dengan pelbagai rintangan sosial, ekonomi atau politik. Antara cabaran tersebut termasuklah kemiskinan, perpecahan institusi keluarga dan keganasan domestik. Semua ini menjadi lebih buruk dengan tekanan dan kekangan yang menyukarkan dan menganggu pelaksanaan fungsi tamadun keluarga. Dalam realiti masa kini yang dipenuhi anasir jalanan, pengaruh budaya asing perkembangan media yang pesat dan teknologi komunikasi, peluang untuk berinteraksi dan berhubung sesama ahli keluarga semakin berkurangan. Akibatnya, pertalian dan hubungan sosial dalam institusi keluarga semakin longgar dan terlerai.

Cabaran Utama Yang Dihadapi Oleh Keluarga Muslim

Dalam era perubahan pesat yang sedang melanda dunia, keluarga Muslim kini berdepan dengan pelbagai cabaran kompleks yang menggugat kestabilan serta peranan keluarga yang asal. Walaupun perkembangan teknologi moden, kemajuan media baharu, dan kemunculan peranti pintar telah membawa banyak manfaat, namun kesan negatifnya tidak dapat dinafikan. Antara kesan yang timbul daripada kemunculan media sosial ialah kemunculan figura-figura sosial baharu serta pembunuhan karakter terhadap tokoh-tokoh tertentu, tercetusnya perbalahan lisan, wujudnya pelanggaran batas moral antara lelaki dan wanita, kemunculan bentuk jenayah baharu, pembaziran masa, pengangkatan isu-isu tempatan atau dalaman sebagai perdebatan global, serta pencabulan nilai-nilai moral melalui fenomena pendedahan tubuh wanita secara terbuka.

Selain itu, media massa dan budaya godaan visual—yang kini menjadi sebahagian daripada realiti harian masyarakat—telah memainkan peranan besar dalam merosakkan cita rasa masyarakat, terutama dalam aspek definisi kecantikan dan standard penerimaan sosial.

Akibat daripada fenomena ini, ancaman besar

terhadap kestabilan dan kelangsungan institusi keluarga pun muncul antaranya ialah mudah untuk membina hubungan emosi di luar ikatan perkahwinan. Fenomena ini membawa kepada masalah besar seperti hilangnya rasa saling percaya dan keselamatan antara anggota keluarga.

Cabaran besar lain yang turut mencengkam ialah hilangnya "masa berkualiti" bersama keluarga yang semakin terhakis akibat ketagihan terhadap media sosial dan pencerobohan teknologi ke dalam ruang peribadi keluarga. Ditambah lagi dengan lambakan pilihan hidup dan ketiadaan panduan yang jelas malah masyarakat hari ini semakin sukar untuk membuat keputusan yang bijak. Justeru, keadaan ini menuntut kesedaran yang lebih tinggi untuk memperkukuh budaya keseimbangan, toleransi dan kepelbagaian dalam kalangan anggota keluarga.

Antara Cabaran Utama yang Mengancam Institusi Keluarga Muslim

1. Pemikiran Feminis-Barat yang Sekular

   Pemikiran ini menyasarkan eksploitasi isu-isu wanita dan kekeluargaan untuk memaksakan satu bentuk kerangka undang-undang global baharu. Kerangka ini didakwa sebagai nilai-nilai sejagat kemanusiaan, sedangkan realitinya

ia hanyalah cerminan identiti budaya Barat semata-mata[2]. Kesannya, pemikiran feminis Barat telah memberi impak yang ketara terhadap keselamatan institusi keluarga dari segenap aspek.

Antara natijahnya ialah penghapusan kesucian ikatan perkahwinan, normalisasi pornografi dan kebebasan seksual secara melampau serta menjadikan maksiat dan perilaku keji sebagai suatu yang indah. Akibatnya, batas dan sempadan antara sifat kelelakian dan kewanitaan semakin hilang.

2. Perpecahan Institusi Keluarga

Kajian akademik menunjukkan bahawa pelbagai konvensyen antarabangsa yang kononnya digubal untuk melindungi wanita dan kanak-kanak, tetapi menjadi punca kepada keretakan institusi keluarga, penghakisan nilai-nilai keluarga serta merosakkan fabrik sosial. Konvensyen-konvensyen ini berperanan besar dalam melemahkan nilai kekeluargaan dan menghancurkan struktur sosial yang stabil. Ia juga cuba menghapuskan konsep

2 Sayyidah Mahmūd, *Mafhūm al-Tamakkun al-Niswī min al-Manẓūrayn al-'Arabī wa al-Islāmī*, Universiti Helwan, Mesir, cet. 1, 2021, hlm. 15.

tanggungjawab bersama antara suami isteri dan menukar hubungan keluarga kepada semata-mata perkongsian berasaskan kepentingan individu.

Ia turut menggalakkan anak-anak baik kanak-kanak mahupun remaja untuk memberontak terhadap ibu bapa mereka yang akhirnya membawa kepada penghancuran kesatuan masyarakat melalui keretakan unit asasnya iaitu keluarga.

Lebih membimbangkan, pelaksanaan perundangan hasil daripada konvensyen-konvensyen ini telah membawa kepada peningkatan kadar perceraian termasuk perceraian emosi dan fizikal, keganasan rumah tangga serta peningkatan fenomena wanita kekal membujang.

Ia juga menyebabkan:

a. Penangguhan usia perkahwinan kerana tekanan untuk mencapai kebebasan kewangan, kerjaya dan pendidikan tinggi bagi wanita.

b. Menggalakkan budaya individualisme dengan mengorbankan semangat kekeluargaan sehingga menjejaskan keharmonian dan ikatan kekeluargaan.

c. Penyebaran pelbagai fahaman yang

mempromosikan gaya hidup tidak konvensional telah mencetuskan konflik budaya dan pertembungan nilai dalam kalangan ahli keluarga.

Salah satu kesan lanjutan daripada sistem pemikiran feminis ini ialah kemunculan konsep seperti "bank susu" yang menggantikan penyusuan ibu secara semula jadi. Hal ini menimbulkan persoalan mendasar tentang apakah susu ibu kini hanya dianggap sebagai bahan biologi yang tiada kaitan dalam menentukan identiti seorang anak? Bukankah ini satu bentuk pencabulan terhadap fitrah semula jadi antara seorang ibu dengan bayinya?

3. Fenomena Keterasingan Kekeluargaan

Kewujudan pelbagai medium teknologi moden telah menyumbang kepada tercetusnya keterasingan dalam keluarga, ketiadaan dialog yang berkesan, ketidakmampuan menerima pandangan orang lain dan penyebaran budaya keganasan verbal. Akibatnya, muncul fenomena keterasingan kekeluargaan yang mengancam keselamatan dan masa depan remaja, meruntuhkan keharmonian keluarga dan melanggar fitrah kemanusiaan yang sepatutnya menjadi asas hubungan antara insan.

Setiap ahli keluarga kini melihat kehidupan daripada sudut pandang dan sumber yang berbeza-beza bergantung kepada tempat mereka menyerap idea dan membentuk pandangan masing-masing. Antara sumber tersebut termasuk amalan-amalan yang mengelirukan dan menyesatkan secara halus di mana ia menyasarkan pemikiran kanak-kanak dan remaja agar jauh daripada nilai-nilai Islam dan prinsip-prinsip asasnya.

Kesan daripada ini, maka berlakulah penyimpangan digital, peningkatan kes bunuh diri, kemurungan dan tahap kesihatan mental yang lemah dalam kalangan mereka[3].

Tidak dapat dinafikan, pelbagai konvensyen global dan budaya asing yang dibawa masuk telah berjaya mencapai salah satu matlamatnya iaitu memecahbelahkan institusi keluarga Muslim dari dalam. Ini dapat dilihat melalui keruntuhan perpaduan keluarga, keretakan peranan sosial antara ahli serta penolakan nilai dan semangat kerjasama dalam keluarga. Sebaliknya, ia digantikan dengan budaya persaingan dan konflik sesama ahli keluarga sendiri[4].

3 Ahmad Yamin ʻAbd al-Hamid, *al-Usrah: Dirāsāt fī al-Ittijāhāt al-Muʻāṣirah* Kaherah, Universiti Terusan Suez, hlm. 54.

4 Muhammad ʻUthman, *Al-Istiqrār al-Usarī wa Atharuhu ʻala al-Fard wa al-Mujtamaʻ*, hlm. 19.

> Perubahan sosial dan kemajuan teknologi turut mendorong peralihan struktur keluarga daripada bentuk keluarga besar (*extended family*) kepada keluarga nuklear[5] (*nuclear family*).

Jalan Penyelesaian dan Cadangan Menghadapi Cabaran

Sheikh Muhammad al-Ghazali pernah menekankan betapa pentingnya institusi keluarga dalam masyarakat Islam serta bahaya besar yang menanti apabila hubungan kekeluargaan mula retak. Beliau menyatakan bahawa masa depan Islam serta kemampuan umat ini untuk menghadapi cabaran bergantung kepada kesediaan kita untuk menilai semula pelbagai isu besar antaranya isu wanita. Menurut beliau, pendekatan sempit dan keras terhadap wanita telah menjadi pintu masuk kepada musuh-musuh Islam untuk merosakkan masyarakat Muslim dari dalam[6].

Muhammad al-Ghazali menuntut agar dilakukan pembetulan terhadap pandangan sesetengah pihak

---

5 Merujuk kepada struktur keluarga yang terdiri daripada ibu bapa dan anak-anak sahaja, tanpa kehadiran ahli keluarga lain seperti datuk, nenek, pakcik, makcik atau sepupu dalam satu kediaman. Ia berbeza daripada keluarga besar (extended family) yang lebih meluas dan sering menjadi ciri masyarakat tradisional. (pent)

6 Muhammad al-Ghazālī, *al-Ḥaqq al-Murr*, hlm. 94.

terhadap wanita dan hak-hak mereka terutama apabila pandangan tersebut bersumberkan tradisi yang disandarkan kepada Islam, namun hakikatnya tidak berasal daripada agama ini. Beliau melihat tradisi-tradisi ini sebagai faktor yang menyebabkan sesetengah masyarakat Muslim menerima dan mendukung pemikiran feminis Barat.

Al-Ghazali juga menegaskan bahawa pendidikan dalam institusi kekeluargaan memerlukan suasana dan persekitaran yang sejahtera. Beliau menyatakan:

> *"Pendidikan yang kita impikan bukanlah sekadar pengajaran yang dilontarkan, tetapi ia adalah kebenaran yang dibentuk serta ilham yang menyelinap ke dalam jiwa dengan keyakinan yang hidup dan tekad yang jitu*[7]*."*

Maka jelaslah bahawa salah satu punca utama timbulnya pelbagai cabaran terhadap institusi keluarga Muslim masa kini ialah kegagalan umat Islam sendiri untuk berpegang teguh kepada prinsip-prinsip asas dalam pembinaan keluarga dan pendidikan menurut Islam. Banyak cabaran tersebut muncul akibat kelalaian terhadap asas ini. Kekosongan budaya dalam masyarakat kita yang kemudiannya diisi oleh pemikiran dan pengaruh luar.

---

7 Ibid., hlm. 94.

Kini, kita sampai kepada satu persoalan penting: apakah cara terbaik untuk memperkukuh benteng keluarga dan menangani cabaran-cabaran tersebut? Dalam hal ini, syariah Islam dengan segala hukum dan panduannya menyediakan ruang yang fleksibel untuk melakar penyelesaian terhadap cabaran-cabaran kontemporari yang menimpa institusi keluarga Muslim.

Antara cadangan dan langkah penyelesaian yang disarankan ialah:

1. Memperkukuh kesedaran agama dan nilai melalui sistem pendidikan serta pengasuhan yang berteraskan prinsip Islam dan nilai-nilai akhlak yang luhur.
2. Memperkuat komunikasi kekeluargaan dan perasaan tanggungjawab kolektif dengan mewujudkan ruang dialog antara ahli keluarga, menyemai semangat musyawarah dan mengukuhkan tali kasih sayang.
3. Mengoptimumkan penggunaan teknologi secara positif dan beretika, dengan cara menjadikan diri terbuka terhadap budaya luar namun tetap berpegang pada identiti Islam yang utuh.
4. Setiap individu perlu sedar akan tanggungjawab masing-masing khususnya suami dan isteri dalam menjalankan peranan mereka sebagai ibu

bapa yang mendidik dan membentuk anak-anak dengan penuh kasih dan tanggungjawab.

Akhirnya, menjadi suatu keperluan untuk menjelaskan ketulenan institusi keluarga Islam serta mempertahankannya dengan menangkis pemikiran yang menyimpang, melalui pendekatan yang menyasarkan golongan cendekiawan, intelektual serta mereka yang memiliki akal yang jernih dan kebijaksanaan dalam masyarakat.

Penubuhan Pusat Kesedaran, Bimbingan Kekeluargaan dan Khidmat Nasihat

Dalam menghadapi sistem pemikiran feminis, pendekatan terbaik adalah dengan memperkukuh wacana pemikiran Islam sebagai suatu alternatif terhadap ideologi feminis Barat. Masyarakat Islam perlu berusaha membangunkan satu model Islamik yang memperkasa wanita, menyeimbangkan antara hak dan tanggungjawab serta menjamin kestabilan institusi keluarga. Dalam masa yang sama, masyarakat juga mesti mencari dan menawarkan penyelesaian yang praktikal dan berpaksikan syariat terhadap pelbagai isu yang melibatkan wanita dan keluarga.

Begitu juga dalam hal kesan teknologi terhadap kanak-kanak di mana perlunya solusi yang

fokus kepada menyedarkan masyarakat tentang penggunaan teknologi secara salah. Di samping itu, usaha mempergiat mempergiat usaha pendidikan awam bagi melindungi generasi muda daripada bahaya dunia digital. Ini termasuk mengukuhkan kesedaran tentang penggunaan teknologi secara selamat, menggubal undang-undang yang tegas untuk melindungi kanak-kanak daripada ancaman siber serta menyempitkan jurang digital antara generasi.

Penutup

Berdasarkan keseluruhan perbincangan yang telah dihuraikan, kita semua bertanggungjawab untuk merangka satu wacana yang seimbang—yang mampu melindungi institusi keluarga dan membela hak wanita tetapi tetap berakar dalam nilai dan prinsip asas Islam.

Sehubungan itu, amat penting untuk merumuskan satu visi Islam yang bersatu dan menyeluruh berkaitan isu keluarga dan masyarakat—suatu visi yang menjaga identiti sejarah, bahasa ibunda, kesatuan sosial, nilai-nilai, adat dan tradisi serta tidak tunduk kepada tekanan nilai-nilai asing khususnya nilai kebebasan, seksualiti dan kaedah pendidikan yang bercanggah dengan fitrah dan syariah.

Maka, penguncupan peranan keluarga dan peralihannya kepada bentuk keluarga yang terlalu kecil (*micro family*) menuntut kita untuk berfikir secara mendalam dan berwawasan jauh tentang masa depan institusi ini serta bagaimana untuk melindunginya daripada kehancuran.

Hal ini perlu dilakukan dengan mengkaji secara serius realiti tiga tonggak utama dalam masyarakat seperti keluarga, pendidikan dan sistem sosial khususnya dalam konteks perubahan global yang begitu pantas, pertembungan budaya yang sengit serta kecelaruan hierarki nilai yang sedang berlaku.

Pereka Kulit Luar: Shin A.I

Ilustrasi: Canva

Email:

shin.ai1203@gmail.com

Instagram:

@_shin_ai

